



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BUKAN CINTA BIASA

Tarikh Dibaca:

**12 RABIULAWAL 1447H /
5 SEPTEMBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ اسْلَمْنَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BUKAN CINTA BIASA

5 SEPTEMBER 2025 / 12 RABIULAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾ ﴿١٠٧﴾ الأنبياء [107]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa jua perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Bersempena memperingati kelahiran junjungan besar, Rasulullah SAW, maka khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **'Bukan Cinta Biasa'**.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Kini kita berada di bulan Maulid, bulan kelahiran insan termulia, junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Baginda bukan sekadar seorang nabi, bahkan anugerah terbesar dan rahmat teragung yang Allah kurniakan, bukan sahaja kepada umat manusia, tetapi kepada seluruh alam semesta.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiyaa' ayat 107:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya: *“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.*

Tanpa hadirnya Baginda, nescaya kita masih merangkak-rangkak dalam gelap kekufuran. Justeru, kelahiran Rasulullah SAW ialah nikmat yang wajib disyukuri kerana dengan kedatangan Baginda, kita dapat mengenal jalan kebenaran, membezakan antara halal dan haram, serta dipimpin menuju keredhaan Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Cinta kepada Baginda SAW bukanlah cinta biasa. Bahkan inilah cinta luar biasa yang memimpin kita ke syurga bersama Baginda yang dikasihi. Ketahuilah, bahawa kesempurnaan iman seseorang tidak akan tercapai sehingga dia mencintai Nabi Muhammad SAW melebihi segala-galanya. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik *radhiyallahuanhu* bahawa Baginda SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: *“Tidak sempurna iman salah seorang daripada kamu sehingga aku lebih dia cintai daripada ayahnya, anaknya, dan seluruh manusia”.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Cinta kepada Rasulullah SAW bukan sekadar kata-kata di bibir, tetapi cinta yang sebenar berbentuk ketaatan. Seseorang yang benar-benar mencintai Baginda akan meneladani sunnahnya, mengutamakan petunjuknya, berakhlak dengan akhlaknya, serta rela meninggalkan segala yang dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya.

Al-Qadhi ‘Iyadh pernah menyatakan: *“Orang yang benar-benar mencintai sesuatu, pasti akan mengutamakan. Demikianlah cinta kepada Nabi SAW, ia terlihat pada teladan, ketaatan, dan adab”.* Begitu juga kata Imam Ibnu Rajab, bahawa cinta sejati akan menjadikan hati kita cinta kepada apa-apa yang Allah dan Rasul cintai, dan benci terhadap apa-apa yang Allah dan Rasul benci.

Namun, amatlah menyedihkan pada hari ini, ramai yang mendakwa cinta kepada Rasulullah SAW, tetapi amal perbuatan mereka bercanggah dengan ajaran Baginda. Ingatlah, cinta tanpa ketaatan hanyalah dakwaan kosong, sedang cinta yang sejati ialah mengikuti jejak langkah Baginda Nabi SAW.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Hari ini, ramai anak muda lebih mengenali artis dan pempengaruh media sosial berbanding mengenali Nabi dengan terperinci. Mereka mampu menghafal bermacam lagu, tetapi meninggalkan zikir-zikir yang diajar Nabi. Ibadah solat pula diremehkan dan dipandang ringan sedangkan itulah perhatian yang sangat berat diberikan oleh Rasulullah SAW bahkan ketika menjelang wafatnya Baginda. Diriwayatkan daripada Ali bin Abi Talib *radhiyallahuanhu* bahawa Baginda SAW mengucapkannya dalam nada tersekat-sekat sambil menahan sakit;

الصَّلَاةُ الصَّلَاةُ وَاتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ

“(Peliharalah) solat! (Peliharalah) solat! Dan bertakwalah kepada Allah terhadap (hamba-hamba) yang dimiliki oleh tangan kamu”.

(Hadis riwayat Abu Dawud, Ahmad)

Lebih parah, dosa-dosa yang dibenci Rasulullah kini dianggap biasa, maksiat sudah menjadi budaya, dusta menjadi halwa telinga, zina dan homoseksual kian berleluasa bahkan menjadi perniagaan yang tidak malu diiklankan. Amar makruf dan nahi mungkar pula semakin dipandang asing dan dibebankan pula pada bahu-bahu agamawan sedangkan hakikatnya ia tanggungjawab setiap umat.

Namun, ingatlah bahawa masih ada jalan pulang. Iaitu dengan kembali kepada al-Quran dan sunnah Baginda. Umat akan bangkit apabila solat dihidupkan, al-Quran dibiasakan, anak-anak dibesarkan dengan iman, dan ukhuwah sesama Muslim dipererat.

Solusinya bukan mengejar dunia, tetapi memperkukuh iman dan takwa. Janganlah mudah berasa lemah atau berpecah-belah. Selagi kita berpegang teguh dengan petunjuk Nabi SAW, selagi itu kita akan kembali mulia, sebagaimana janji Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran ayat 139.

﴿لَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ﴾

“Dan janganlah kamu berasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya, kita harus mengaku bahawa amalan kita terlalu sedikit, sedangkan dosa-dosa kita menggunung tinggi. Maka kita sangat berharap kepada syafaat junjungan besar Nabi Muhammad SAW pada hari akhirat kelak. Hari di mana manusia kebingungan mencari pertolongan, sedang dosa-dosa sendiri bagaikan beban yang menghimpit dada.

Namun, persoalan yang wajar kita renungkan ialah, apakah kita benar-benar layak mendapat syafaat Baginda SAW? Baginda yang siang malam berdoa untuk umatnya, yang menitikkan air mata demi keselamatan kita, sedangkan kita di dunia ini sering meremehkan seruan dan peringatan Baginda, bahkan ada yang meninggalkan sunnahnya.

Andai benar kita menginginkan syafaat Nabi SAW, buktikanlah cinta itu dengan ketaatan. Hidupkan sunnah Baginda dalam ibadah, akhlak dan kehidupan seharian. Janganlah kita menjadi umat yang hanya mengharap syafaat, tetapi tidak pernah berusaha membuktikan kesetiaan dan kecintaan kepada Baginda.

Justeru, menutup bicara, saya ingin tinggalkan beberapa pesanan yang tulus ini;

Pertama: Kelahiran Rasulullah SAW adalah rahmat terbesar yang tanpanya kita akan sesat dalam kegelapan, dan dengannya kita mengenal kebenaran dan dipimpin ke jalan Allah SWT.

Kedua: Marilah kita memperbaharui cinta kepada Rasulullah SAW dengan taat dan setia, moga akhirnya kita berhimpun bersama Baginda di syurga yang abadi. Perbanyakkan berselawat kepadanya kerana orang yang paling dekat dengan Rasulullah SAW ialah orang yang paling banyak berselawat.

Ketiga: Kita mengharap syafaat Rasulullah SAW, namun ia hanya layak diperoleh dengan membuktikan cinta melalui ketaatan dan menghidupkan sunnah Baginda.

Buktikan kecintaan kita kepada Baginda Rasulullah SAW dengan mentaati perintahnya dan meninggalkan tegahannya selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 31:

﴿قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ

غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu.

Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاكِ فَرْمَايسُورِي اَكْخُوعْ، رَاكِ زَارِيْثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.